

Headline	Agong terima zakat lebih RM8.9j daripada Tabung Haji, Bank Rakyat		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	15 May 2014	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	9	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	266 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,257
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,772



Agong terima zakat lebih RM8.9j daripada Tabung Haji, Bank Rakyat

ALOR SETAR 14 Mei - Yang di-Pertuan Agong, Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah berkenan menerima zakat perniagaan berjumlah RM8,931,638.73 daripada Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) dan Bank Rakyat di Istana Anak Bukit, di sini hari ini.

Zakat perniagaan bagi 2013 itu untuk diserahkan kepada Jabatan Zakat Negeri Kedah (JZNK) dan Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan (PPZ).

Bagi Tabung Haji, Seri Paduka berkenan menerima wang zakat berkenaan daripada Pengarah Urusan Kumpulan dan Ketua Pegawai Eksekutifnya, Datuk Ismee Ismail yang berjumlah RM3,769,128.73 untuk JZNK.

Sementara itu, Bank Rakyat membayar zakat berjumlah RM1,876,369 dan Seri Paduka menerima zakat berkenaan melalui Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah.

Bank Rakyat turut menyerahkan zakat perniagaannya kepada Wilayah Persekutuan berjumlah RM3,286,186 pada majlis sama.

Tabung Haji dalam kenyataan akhbarinya pada majlis itu berkata, jumlah keseluruhan zakat perniagaan Tabung Haji untuk tahun kewangan 2013 adalah sebanyak RM46.29 juta berbanding RM41.21 juta pada tahun sebelumnya.

Bagi Kedah, pengagihan zakat yang diterima Tabung Haji bagi tempoh tiga tahun berturut-turut ialah, RM3,769,128.73 bagi 2013, RM3,460,121.68 (2012) dan RM3,297,105.03 (2011).

Sementara, bagi Bank Rakyat jumlah keseluruhan zakat perniagaan yang diagihkan ke seluruh negara adalah sebanyak RM41 juta setelah berjaya mencatat keuntungan sebelum cukai dan zakat berjumlah RM2.13 bilion bagi prestasi kewangan berakhir Disember 2013 dengan jumlah aset terkumpul sebanyak RM82.88 bilion.



TUANKU Abdul Halim Mu'adzam Shah berkenan mendengar lafadz akad zakat perniagaan oleh Ahmad Bashah Md. Hanipah (kiri) yang mewakili Bank Rakyat kepada JZNK dan Wilayah Persekutuan di Istana Anak Bukit, Alor Setar, Kedah, semalam. - BERNAMA